

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

#MajuTerusPahang Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-15.100-6/1/8JLD.14(38)
Tarikh : 15 Mei 2024

SURAT PEKELILING YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BILANGAN 6 TAHUN 2024
PINDAAN GARIS PANDUAN KUTIPAN CARUMAN SALIRAN
BAGI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan pindaan bagi Garis Panduan Kutipan Caruman Saliran Bagi Negeri Pahang Darul Makmur melibatkan kadar Kutipan Caruman Saliran (KCS), skop penggunaan wang amanah KCS, skop pengecualian bayaran KCS, tatacara permohonan rayuan bayaran KCS dan tatacara pembayaran KCS.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Yang Ke 24/2012 pada 1 Ogos 2012 telah meluluskan Garis Panduan Kutipan Caruman Saliran diterima pakai di Negeri Pahang. Garis panduan ini berkuatkuasa bermula 1 September 2012 menerusi Surat Pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 9 Tahun 2012.
- 2.2 Surat Pekeliling tersebut telah menjadi garis panduan KCS kepada semua agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta dalam usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam dan dalam pengurusan wang KCS.

- 2.3 Memandangkan surat pekeliling tersebut telah digunapakai sejak tahun 2012, terdapat keperluan untuk Kerajaan Negeri meminda kepada surat pekeliling yang telah menjadi garis panduan KCS supaya lebih komprehensif dan memenuhi keperluan semasa.
- 2.4 Oleh yang demikian, memandangkan Pahang merupakan negeri yang sedang pesat membangun dengan pembukaan kawasan-kawasan perumahan, perindustrian, perlombongan, pelancongan, perdagangan (commercial) dan sebagainya, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Bilangan Ke-14/2024 telah meluluskan pindaan Garis Panduan Kutipan Caruman Saliran (KCS) bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

3. PINDAAN GARIS PANDUAN

3.1 Kadar bayaran KCS yang baru iaitu:

- (i) Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran: RM6,000.00/ekar; dan
- (ii) Majlis Daerah, Perumahan PR1MA dan lain-lain kawasan: RM4,000.00/ekar

3.2 Skop tujuan penggunaan wang amanah KCS adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran utama, menyelenggara infrastruktur saliran, saluran sungai, tebatan banjir dan kolam takungan terutama di kawasan-kawasan yang berisiko banjir;
- ii. Melaksanakan kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) dan kajian rekabentuk terperinci bagi kerja menaiktaraf sistem saliran;
- iii. Membiayai perolehan aset untuk tujuan pemantauan dan keperluan perlaksanaan projek-projek pembangunan sistem saliran;

- iv. Membiayai program-program pembangunan modal insan, lawatan sambil belajar dalam dan luar negara yang berkaitan dengan pembangunan sistem saliran;
 - v. Membiayai kos pengendalian persidangan, simposium, mesyuarat, kolokium dan bengkel profesional ikhtisas yang berhubung dengan pembangunan sistem saliran; dan
 - vi. Membiayai pemberian elaun kehadiran mesyuarat bagi Pengerusi, ahli tetap (atau wakil) dan urus setia (terhad tiga (3) orang urusetia). Dicaadangkan dibayar RM300.00 sekali mesyuarat (terhad kepada dua (2) mesyuarat setahun).
- 3.3 Semua projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja raya (JKR) Negeri Pahang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pahang dan Pihak Berkuasa tempatan (PBT) diberi pengecualian bayaran saliran.
- 3.4 Rayuan bayaran KCS perlu dibuat melalui Pengarah JPS Negeri Pahang untuk mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Caruman Saliran Negeri Pahang.
- 3.5 Bayaran KCS secara berperingkat bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta yang nilai caruman saliran adalah sebanyak RM100,000.00 dan ke atas adalah seperti berikut:
- (i) 40% di peringkat sebelum kelulusan pelan pra-hitungan;
 - (ii) 30% di peringkat selepas mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM); dan
 - (iii) 30% di peringkat sebelum pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Semua urusan berkait Garis Panduan KCS bagi Negeri Pahang adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 9 Tahun 2012, Garis Panduan Pelaporan Akaun Amanah Caruman Saliran Negeri Pahang serta Surat Pekeliling ini.


5. TARIKH BERKUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"Mudah, Cepat, Telus"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)